

## **PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI PELAWAT / PENJAGA DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **KRITERIA PELAWAT/PENJAGA:**

1. Hanya dua (2) pelawat dan satu (1) penjaga di benarkan bagi setiap pesakit pada satu-satu masa.
2. Hendaklah berumur  $\geq 12$  tahun.
3. Telah lengkap vaksin COVID-19 (merujuk kepada definisi terkini yang dikeluarkan oleh KKM).
4. Bukan daripada kumpulan berisiko tinggi (sistem imun yang rendah, pelbagai komorbiditi).
5. Bukan dalam kumpulan disyaki COVID-19 atau Orang Dalam Pengawasan (PUS).
6. Tiada simptom yang menunjukkan COVID-19.
7. Mengisi borang pengisytiharan COVID-19 atau MySejahtera dan "Borang Persetujuan dan Pemahaman Risiko Jangkitan COVID-19 bagi Penjaga Pesakit".
8. Menjalani ujian COVID-19 seperti yang ditetapkan.
  - 8.1 Penjaga dan peneman semasa bersalin hendaklah disaring negatif menggunakan ujian RTK Antigen sendiri dalam masa 24 jam sebelum masuk ke hospital.
  - 8.2 Nyatakan tarikh dan masa ujian RTK Antigen sendiri dilakukan dan ambil gambar sebagai bukti.
  - 8.3 Gunakan ujian RTK Antigen sendiri yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA).
9. Mematuhi prosedur operasi Standard (SOP) dan alat pelindung diri (PPE) yang disyorkan.

## **PROSEDUR OPERASI STANDARD:**

1. Pelawat/penjaga hendaklah sentiasa memakai topeng muka semasa berada di hospital. Penggunaan apron plastik dan sarung tangan disyorkan apabila terdapat pendedahan kepada cecair badan.
2. Pelawat/penjaga perlu sentiasa mengamalkan;
  - 2.1 Kebersihan tangan (sebelum masuk dan keluar bilik)
  - 2.2 Etika batuk (menutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin dengan tisu atau sapu tangan atau tangan)
  - 2.3 Penjarakan fizikal (menjaga sekurang-kurangnya 1 meter)
3. Pelawat/penjaga hendaklah menghadkan pergerakan mereka di kemudahan penjagaan kesihatan.
4. Penjaga kepada pesakit COVID-19 hendaklah melaporkan kepada anggota kesihatan jika mereka mengalami gejala COVID-19.
5. Tiada pelawat/penjaga dibenarkan semasa prosedur yang melibatkan penjana aerosol (AGP) seperti intubasi.
6. Penjaga perlu memaklumkan kepada anggota kesihatan di wad sekiranya terdapat pertukaran penjaga.
7. Pesakit TIDAK dibenarkan untuk meninggalkan wad atau hospital untuk melawat keluarga, rakan-rakan atau atas sebarang sebab lain, melainkan dibenarkan keluar.
8. Pelawat/penjaga yang mengabaikan atau mengingkari keperluan kesihatan awam semasa berada di hospital, mereka boleh diminta untuk meninggalkan hospital.